A

Azmil Muntapha bin Abas lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN JENAYAH NO BA-42R(A)-4–10 TAHUN 2022
HASBULLAH ADAM H
29 DISEMBER 2023

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan pertuduhan utama dibawah s 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') serta pertuduhan pilihan dibawah s 165 Kanun Keseksaan ('KK') — Perayu disabitkan dibawah pertuduhan pilihan pindaan dan dijatuhkan hukuman penjara enam bulan dan*
D *denda RM25,000 jika gagal enam bulan penjara — Sama ada wujud kes prima facie di akhir kes pendakwaan — Sama ada anggapan di bawah s 50(3) ASPRM terpakai — Sama ada keterangan SP3 dan SP4 sebagai rakan sejenayah diterima tanpa tapisan yang ketat — Sama ada wang diterima perayu adalah wang persendirian SP4 — Sama ada pemakaian s 52 ASPRM tidak memenuhi*
E *prasyarat — Sama ada terdapat percanggahan keterangan SP15 dan SP17 — Sama ada siasatan tanpa kelulusan Ketua Hakim Negara — Sama ada keterangan yang ditolak bagi kesalahan s 17 ASPRM boleh digunakan bagi mensabitkan kesalahan s 165 KK — Sama ada hukuman melampau*

F Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keseluruhan keputusan oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS'). Perayu merupakan seorang hakim mahkamah sesyen yang berkhidmat di Mahkamah Sesyen dan Majistret Kuala Kubu Bharu ('Mahkamah KKB'). Pada 8 Mei 2018, enam orang kena tuduh ('OKT-OKT') dituduh di Mahkamah KKB dengan kesalahan di bawah s 9(1)
G Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. SP18 iaitu orang perhubungan bagi judi ekor haram menghubungi SP3 yang merupakan seorang pegawai polis untuk meminta bantuan supaya hukuman terhadap OKT-OKT dikurangkan jika mereka mengaku bersalah dan bersedia untuk memberikan upah. SP3 menghubungi SP4 iaitu seorang Timbalan Pendaftar di Mahkamah Tinggi
H untuk menyampaikan permintaan tersebut kepada perayu. Perayu bersetuju tetapi untuk jumlah denda yang lebih tinggi daripada yang diminta SP18. SP18 bersetuju dengan jumlah hukuman denda tersebut dan RM1,000 diperuntukkan untuk perayu bagi setiap OKT-OKT. OKT-OKT telah mengaku salah setelah pertuduhan dibacakan kepada mereka. Perayu sebagai
I hakim yang mendengar pengakuan OKT-OKT telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,000 terhadap lima orang OKT dan seorang lagi dikenakan denda RM5,000. SP3 kemudian menerima wang berjumlah RM6,500 dan telah memindahkan RM6,000 ke dalam akaun SP4. Wang sebanyak RM500 adalah upah bagi SP3 yang menjadi orang tengah kes

tersebut. SP4 memindahkan sejumlah RM5,000 kepada perayu dan RM1,000 diambil oleh SP4 sebagai upah kerana menjadi orang tengah. Tangkapan terhadap perayu telah dibuat dan perayu dituduh dengan pertuduhan di bawah s 17(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') serta satu pertuduhan pilihan bawah s 165 Kanun Keseksaan ('KK'). HMS mendapati bahawa suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan ke atas kesalahan pertuduhan pilihan di bawah s 165 KK dan perayu dipanggil untuk membela diri ke atas pertuduhan pilihan tersebut. Perayu dalam pembelaannya mengatakan penerimaan wang berjumlah RM5,000 ke dalam akaun peribadi perayu adalah sebagai bayaran balik hutang daripada SP4 kepada perayu yang mana pada bulan November 2017, SP4 telah meminjam wang berjumlah RM5,000 daripada perayu seperti mana akujanji membayar kembali hutang ('ID50B' dan 'IDD48'). SP15 dan SP17 iaitu pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri dipanggil bagi memberi keterangan berkenaan rekod duti setem bersabit dengan IDD48 dan prosedur penyetemen suratcara. HMS telah mensabit dan menjatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan denda RM25,000 jika gagal bayar enam bulan penjara ke atas perayu bagi pertuduhan pilihan pindaan di bawah s 165 KK. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan dan membenarkan rayuan terhadap hukuman:

(1) Mengenai elemen pertama bahawa perayu adalah penjawat awam adalah merupakan suatu fakta yang sama sekali tidak disangkal bahawa perayu merupakan seorang hakim mahkamah sesyen di Mahkamah KKB. Berkenaan dengan elemen kedua pula, perayu telah memperoleh wang tunai sebanyak RM5,000 melalui SP3 dan seterusnya melalui SP4. Keterangan saksi-saksi pendakwaan serta diperkukuhkan lagi dengan keterangan dokumentar dan dokumen-dokumen perbankan adalah amat kuat dan menyakinkan bahawa wang berjumlah RM5,000 akhirnya diperoleh oleh perayu. Seterusnya mengenai elemen ketiga pula iaitu penerimaan barang berharga itu tanpa pembalasan, HMS telah berada pada landasan yang tepat apabila merujuk 'balasan' kepada sesuatu yang diterima atau diberikan atas sebab sesuatu yang dijanjikan atau dilakukan. Berkenaan elemen keempat pula, perayu mengetahui bahawa SP4 sedang berbincang dengannya berkenaan permintaan daripada SP18 tentang pertuduhan ke atas OKT-OKT yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi perayu di Mahkamah KKB yang mana OKT-OKT tersebut akan dituduh di hadapan perayu pada hari yang sama perbincangan tersebut berlaku. Oleh yang demikian, HMS tidak terkhilaf untuk memutuskan bahawa telah wujud kes prima facie di akhir kes pendakwaan (lihat perenggan 66–69, 72 & 74–75).

(2) Bagi kesalahan di bawah s 165 KK, jika telah dibuktikan bahawa perayu telah memperoleh apa-apa benda berharga tanpa balasan maka perayu hendaklah dianggap telah berbuat demikian dengan mengetahuinya hal

keadaan yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan dibuktikan sebaliknya. Oleh yang demikian, HMS tidak tersilap apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 50(3) ASPRM (lihat perenggan 77–78).

(3) Keterangan SP3 dan SP4 disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain serta keterangan dokumentar. HMS telah berulang kali mengingatkan dirinya supaya mengambil keterangan SP3 dan SP4 secara berhati-hati. Oleh yang demikian, hujahan perayu bahawa HMS telah terkhilaf apabila menerima keterangan SP3 dan SP4 (yang merupakan rakan sejenayah) tanpa tapisan yang ketat adalah tidak bermerit (lihat perenggan 82–84).

(4) Walau apapun cara wang RM5,000 tersebut disampaikan kepada perayu, ia tidak sama sekali dapat menafikan bahawa wang yang diterima tersebut adalah 'upah' atau 'ganjaran' di atas perlakuan perayu yang menjatuhkan hukuman ke atas OKT-OKT mengikut kehendak SP18 dan disampaikan melalui SP3 dan SP4. Rantaian keterangan antara saksi-saksi pendakwaan adalah tetap utuh berkenaan perpindahan wang kepada perayu yang berakhir apabila SP4 memasukkan wang tersebut ke dalam akaun bank perayu. Perayu gagal membuktikan dokumen ID50B dan IDD48 untuk diterima sebagai keterangan kes pembelaan. Hujahan perayu bahawa wang berjumlah RM5,000 tersebut adalah wang persendirian SP4 bagi tujuan bayaran balik hutang adalah tidak bermerit (lihat perenggan 85–86 & 88–89).

(5) Hujahan perayu mengenai kekhilafan HMS mengguna pakai peruntukan s 52(1)(a)(ii) ASPRM sedangkan pra-syarat tidak dipenuhi bagi pemakaian peruntukan tersebut adalah tidak bermerit. Oleh itu, hujahan perayu selanjutnya bahawa pemakaian s 52 ASPRM oleh HMS sebagai membataskan kuasa budi bicara kehakiman didapati tidak berasas dan tidak bermerit (lihat perenggan 90 & 92).

(6) Keterangan SP15 mengesahkan bahawa beliau telah membuat semakan atas nama SP4 dan perayu dan mendapati tiada rekod atas nama-nama tersebut. Keterangan SP17 pula mengatakan bahawa tiada kemungkinan borang yang menunjukkan rekod penyeteman dokumen IDD48 seperti mana yang telah disemak atas nama SP4 dan perayu adalah hilang. Justeru, tiada kekhilafan HMS untuk membuat kesimpulan dan dapatan bahawa keterangan SP15 dan SP17 tersebut adalah saling menyokong satu sama lain dan tiada percanggahan material yang boleh mencabar keterangan keduanya (lihat perenggan 94–95).

(7) Kes *Haris Fathillah bin Mohamed Ibrahim & Ors v Tan Sri Dato' Sri Hj Azam bin Baki & Ors* [2023] 2 MLJ 296 yang dirujuk perayu berkaitan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tanpa kelulusan Ketua Hakim Negara tidak terpakai dalam kes perayu. Kes tersebut

melibatkan seorang hakim mahkamah atasan yang merupakan seorang anggota Badan Kehakiman Malaysia yang tertakluk kepada Judges' Code of Ethics 2009. Berbeza dengan perayu dalam kes ini yang merupakan seorang penjawat awam dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Oleh yang demikian, hujahan ini sebagai alasan rayuan oleh perayu adalah tidak bermerit (lihat perenggan 97–99).

(8) Sekiranya seseorang dilepaskan daripada pertuduhan kesalahan utama, ini tidak bermaksud semestinya dilepaskan daripada pertuduhan pilihan yang dikemukakan. Mahkamah boleh mengguna pakai keterangan yang sama untuk kesalahan lain. HMS telah pun dengan jelasnya memperincikan apakah alasan-alasan yang menyokong dapatan bahawa kesemua elemen di bawah s 165 KK yang merupakan pertuduhan pilihan telah dibuktikan. Justeru, HMS telah membuat satu tindakan yang betul setelah mendapati tiada kes prima facie ke atas perayu bagi pertuduhan utama kesalahan di bawah s 17(a) ASPRM tetapi mendapati wujud kes prima facie bagi pertuduhan pilihan dan dipanggil membela diri bagi pertuduhan pilihan kesalahan di bawah s 165 KK. Hujahan perayu bahawa HMS terkhilaf adalah tidak bermerit (lihat perenggan 101–103).

(9) Terdapat merit bagi rayuan atas hukuman berdasarkan alasan: (a) tiada peruntukan mandatori di bawah s 165 KK bahawa pemenjaraan wajib diberikan; (b) peranan SP4 sebagai temptation kepada perayu dengan menawarkan barang berharga tersebut atau wang dan peranan aktif SP4 yang memastikan pemberian tersebut terlaksana walaupun perayu telah mengatakan tidak dapat mempersetujui kadar hukuman yang dicadangkan; dan (c) tempoh perkhidmatan perayu selama 17 tahun (lihat perenggan 108).

(10) Tidak wujud alasan yang bermerit untuk mengganggu dapatan dan keputusan HMS berkenaan sabitan kesalahan dan sabitan tersebut adalah selamat. Walau bagaimanapun, hukuman yang dikenakan oleh HMS diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan sehari dan denda sebanyak RM12,000 jika tidak bayar tiga bulan penjara (lihat perenggan 109–111).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the entire decision by the session court judge ('SCJ'). The appellant was a session court judge who served in the Kuala Kubu Bharu Sessions and Magistrate's Court ('KKB Court'). On 8 May 2018, six accused persons ('OKTs') were charged in the KKB Court with an offense under s 9(1) of the Common Gambling Houses Act 1953. SP18 who was the contact person for illegal gambling contacted SP3 who was a police officer to ask for help so that the sentence against the OKTs be reduced if they plead guilty and were willing to pay a reward. SP3 contacted SP4 who was a

Deputy Registrar at the High Court to convey the request to the appellant. The appellant agreed but for a higher fine amount than requested by SP18. SP18 agreed with the amount of the fine and RM1,000 was allocated for the appellant for each OKTs. The OKTs pleaded guilty after the charges were read to them. The appellant as a judge who heard the confession of the OKTs sentenced five OKTs to a fine of RM2,000 and another was fined RM5,000. SP3 then received money amounting to RM6,500 and transferred RM6,000 into SP4's account. The amount of RM500 was the reward for SP3 who was the middleman in the case. SP4 transferred a sum of RM5,000 to the appellant and RM1,000 was taken by SP4 as a fee for being a middleman. The appellant was arrested and charged under s 17(1) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('MACCA') as well as an optional charge under s 165 of the Penal Code ('PC'). The SCJ found that a prima facie case had been successfully proven on the offense of the optional charge under s 165 of the PC and the appellant was called to enter defence on the optional charge. The appellant in his defence said the receipt of money amounting to RM5,000 into the appellant's personal account was as repayment of a debt from SP4 to the appellant which in November 2017, SP4 had borrowed money amounting to RM5,000 from the appellant as in the undertaking to repay the debt ('ID50B' and 'IDD48'). SP15 and SP17, which were the Inland Revenue Board officials, were called to testify regarding the stamp duty record with IDD48 and the procedure for stamping documents. The SCJ had convicted and sentenced the appellant to imprisonment for six months and a fine of RM25,000 if default six months imprisonment for the optional charge under s 165 of the PC. Hence, this appeal.

Held, dismissing the appeal against conviction and allowing the appeal against sentence:

(1) Regarding the first element that the appellant was a civil servant, it was an undisputed fact that the appellant was a session court judge at the KKB Court. Regarding the second element, the appellant had obtained cash amounting to RM5,000 through SP3 and then through SP4. The testimony of the prosecution witnesses and further strengthened by documentary evidence and banking documents was very strong and convincing that the money amounting to RM5,000 was finally obtained by the appellant. Next, regarding the third element, which was the receipt of the valuable item without consideration, the SCJ had been on the right track when referring to 'consideration' to something received or given because of something promised or done. Regarding the fourth element, the appellant knew that SP4 was discussing with him regarding the request from SP18 about the charges against the OKTs that had a connection with the appellant's official duties at the KKB Court where the OKTs would be charged in front of the appellant on the same day of the discussion happened. Therefore, the SCJ did not err to decide that

there was a prima facie case at the end of the prosecution's case (see paras 66–69, 72 & 74–75).

(2) For the offense under s 165 of the PC, if it had been proven that the appellant had obtained any valuable thing without consideration then the appellant shall be deemed to have done so with knowledge of the circumstances stated in the particulars of the offence, unless proven otherwise. Therefore, the SCJ did not err in applying the presumption under s 50(3) of the MACCA (see paras 77–78).

(3) The testimony of SP3 and SP4 was supported by the testimony of other prosecution witnesses as well as documentary evidence. The SCJ had repeatedly reminded itself to take the testimony of SP3 and SP4 with caution. Therefore, the appellant's argument that the SCJ erred in accepting the evidence of SP3 and SP4 (who were accomplices) without strict scrutiny was without merit (see paras 82–84).

(4) Regardless of how the RM5,000 was delivered to the appellant, it could not at all deny that the money received was a 'reward' or 'gift' for the appellant's action in sentencing the OKTs in accordance with the requirements of SP18 and delivered through SP3 and SP4. The chain of evidence between the prosecution witnesses remained intact regarding the transfer of money to the appellant which ended when SP4 deposited the money into the appellant's bank account. The appellant failed to prove the documents ID50B and IDD48 to be accepted as evidence of the defence case. The appellant's argument that the sum of RM5,000 was SP4's own money for the purpose of debt repayment was without merit (see paras 85–86 & 88–89).

(5) The appellant's argument regarding the error of the SCJ in applying the provisions of s 52(1)(a)(ii) of the MACCA while the preconditions for the application of the said provisions were not met was without merit. Therefore, the appellant's further argument that the application of s 52 of the MACCA by the SCJ as limiting judicial discretion was found to be baseless and without merit (see paras 90 & 92).

(6) P15's testimony confirmed that he had checked the names of SP4 and the appellant and found that there was no record of those names. SP17's testimony said that there was no possibility that the form showing the stamping record of IDD48 document checked in the name of SP4 and the appellant was missing. Therefore, there was no error for the SCJ to conclude and find that the testimony of SP15 and SP17 were mutually supportive of each other and there was no material contradiction that could challenge both of the testimony (see paras 94–95).

(7) The case of *Haris Fathillah bin Mohamed Ibrahim & Ors v Tan Sri Dato' Sri Hj Azam bin Baki & Ors* [2023] 2 MLJ 296 referred to by the appellant in relation to the investigation by the Malaysian

Anti-Corruption Commission without the approval of the Chief Justice was not applicable in the appellant's case. The case involved a superior court judge who was a member of the Malaysian Judiciary who was subject to the Judges' Code of Ethics 2009. Unlike the appellant in this case who was a civil servant in the judicial and legal service. Therefore, this argument as a ground of appeal by the appellant was without merit (see paras 97–99).

(8) If a person was acquitted of the main offense charge, this did not necessarily mean that he was acquitted of the optional charge presented. The court may adopt the same evidence for other offences. The SCJ had already clearly detailed what were the reasons that supported the finding that all the elements under s 165 of the PC which was the optional charge had been proven. Therefore, the SCJ had made a correct action after finding that there was no prima facie case against the appellant for the main charge of offense under s 17(a) of the MACCA but found that there was a prima facie case for the optional charge and was called to enter defence for the optional charge of offense under s 165 of the PC. The appellant's argument that the SCJ had erred was without merit (see paras 101–103).

(9) There was merit in the appeal on the sentence based on the grounds: (a) there was no mandatory provision under s 165 of the PC that imprisonment must be given; (b) SP4's role as a temptation to the appellant by offering the valuables or money and SP4's active role in ensuring that the gift was carried out even though the appellant had said he could not agree to the proposed punishment rate; and (c) the appellant's 17 years of service (see para 108).

(10) There was no sufficient ground for interfering with the findings and decision of the SCJ regarding the conviction and the conviction was safe. However, the sentence imposed by the SCJ was set aside and replaced with one day imprisonment and a fine of RM12,000 if default three months imprisonment (see paras 109–111).]

Kes-kes yang dirujuk

Amri bin Ibrahim & Anor v PP and another appeal [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, MP (diikut)

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (diikut)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, MP (diikut)

Haris Fathillah bin Mohamed Ibrahim & Ors v Tan Sri Dato' Sri Hj Azam bin Baki & Ors [2023] 2 MLJ 296; [2023] 3 CLJ 653, MP (dibeza)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)

PP v Rosman bin Abdul Wahab [2007] 2 MLJ 688; [2006] 4 CLJ 615, MT (dirujuk)
PP v Dato' Saidin bin Thamby [2012] 3 MLJ 476; [2012] 4 CLJ 15, MR (dirujuk)
Usman bin Jumasan v PP [2016] MLJU 1362; [2016] 1 LNS 1457, MR (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 114(b), 133
Akta Pencegahan Rasuah 1961 (dimansuhkan oleh Akta Pencegahan Rasuah 1997) s 18
Akta Rumah Judi Terbuka 1953 s 9(1)
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 17, 17(a), 50, 50(3), 52, 52(1)(a)(ii), 53
Kod Etika Hakim 2009
Kanun Keseksaan ss 158, 165
Kanun Tatacara Jenayah ss 173(h)(iii), 316
Perlembagaan Persekutuan perkara 4, 125(5), 145(3), Bahagian IX

Awang Armadajaya bin Awang Mahmud (Hasshahari bin Johari dan Muhamad Hafizah Shafuan bersamanya) (Hasshahari & Partners) bagi pihak perayu.
Rasyidah Murni bt Adzmi (Mohd Afif bin Ali, Siti Amirah bt Muhammad, Maziah bt Mohaide dan Julaila bt Jamaluddin bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak responden.

Hasbullah Adam H:

PENDAHULUAN

[1] Kes ini merupakan rayuan oleh Azmil Muntapha bin Abas ('perayu') yang tidak berpuas hati dengan keseluruhan keputusan oleh hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam yang telah mensabit perayu dan menjatuhkan hukuman ke atas perayu bagi Pertuduhan Pilihan Pindaan di bawah s 165 Kanun Keseksaan (Akta 574).

[2] Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam yang bijaksana ('hakim sesyen') telah mengenakan hukuman pemenjaraan selama enam bulan daripada tarikh jatuh hukum (19 Oktober 2022) dan denda RM25,000 jika gagal bayar enam bulan penjara.

[3] Mahkamah ini telah mendengar rayuan ini pada 20 Julai 2023 dan seterusnya telah memutuskan pada 31 Julai 2023 bahawa rayuan atas sabitan adalah ditolak. Walau bagaimanapun, mahkamah ini telah membenarkan rayuan ke atas hukuman di mana hukuman pemenjaraan yang dikenakan oleh

hakim sesyen dikurangkan kepada pemenjaraan selama 1 hari dan denda RM12,000 jika gagal bayar tiga bulan penjara.

[4] Timbalan pendakwa raya telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan hukuman oleh mahkamah ini melalui notis rayuan bertarikh 10 Ogos 2023.

[5] Manakala perayu juga yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini yang menolak rayuan terhadap keputusan sabitan dan juga tidak berpuas hati dengan keputusan hukuman pemenjaraan selama 1 hari dan denda RM12,000 jika gagal bayar tiga bulan penjara, telah memfailkan notis rayuan bertarikh 11 Ogos 2023.

PERTUDUHAN

[6] Pertuduhan pilihan pindaan (Lampiran B) ke atas tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 10 Mei 2018, di Maybank Setia Alam 2, Selangor sebagai seorang ejen penjawat awam iaitu Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu, Selangor telah memperoleh untuk diri kamu suatu barang berharga iaitu wang tunai sebanyak RM5,000 tanpa suatu balasan daripada Soo Seng Kok (No. KPT: 830109-10-5539) melalui Zumairi Bin Othman (No. KPT: 821225-02-5291), seterusnya melalui Ahmad Feisal Bin Mohd Azmi (No. KPT: 820619-14-6083), pada jam lebih kurang 8.22 malam, yang mana kamu ketahui mempunyai hubungan dalam suatu prosiding yang berkaitan dengan kamu iaitu mengendalikan kes-kes jenayah berikut:
>
> 1. Chin Yat Soong (No Kes: BF-83-159-05/2018)
> 2. Yap Chiew Tat (No Kes: BF-83-157-05/2018)
> 3. Chin See Shak (No Kes: BF-83-156-05/2018)
> 4. Pang Kooi Fook (No Kes: BF-83-154-05/2018)
> 5. Yap Swee Ming (No Kes: BF-83-153-05/2018)
> 6. Chin Chee Keong (No Kes: BF-83-158-05/2018)
>
> yang telah melakukan kesalahan di bawah subseksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) dan di mana kamu telah menjatuhkan hukuman denda terhadap mereka semua. Dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan.

[7] Seksyen 165 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:

> Whoever, being a public servant, accepts or obtain, or agrees to accept or attempts to obtain, for himself or for any other person, any valuable thing, without consideration, or for a consideration which he knows to be inadequate, from any person whom he knows to have been, or to be, or to be likely to be concerned in any

proceeding or business transacted, or about to be transacted, by such public servant, or having any connection with the official functions of himself or of any public servant to whom he is subordinate, or from any person whom he knows to be interested in or related to the person so concerned, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years or with fine or with both.

RINGKASAN FAKTA KES PENDAKWAAN

[8] Di peringkat kes pendakwaan, seramai 24 orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberi keterangan iaitu:

(a) SP1 — Muhammad Amri Safwan bin Rusli;

(b) SP2 — Dale Dazzle Gerald;

(c) SP3 — Zumairi bin Othman;

(d) SP4 — Ahmad Feisal bin Mohd Azmi;

(e) SP5 — Lina bt Zailan;

(f) SP6 — Au Lai Ban;

(g) SP7 — Mohamad Helmi bin May Yusof;

(h) SP8 — Mokthar bin Dahari;

(i) SP9 — Menaga a/p Guanaseelan;

(j) SP10 — Norhayati bt Rahmat;

(k) SP11 — Nurul Aida bt Amir;

(l) SP12 — Mohd Azhari b Baba;

(m) SP13 — Laili Syahriza bt Abdullah;

(n) SP14 — Normas Julia bt Abdul Rahim;

(o) SP15 — Rasineh bt Daugan;

(p) SP16 — Yap Chiew Tat;

(q) SP17 — Nor Aizan bt Adb Wahab;

(r) SP18 — Soo Lai Seng;

(s) SP19 — Soo Seng Kok;

(t) SP20 — Pramalatha a/p Ranganathan;

(u) SP21 — Mohd Akabar b Amzah;

(v) SP22 — Noor Amira Fathihah bt Abdullah Sanusi;

(w) SP23 — Wan Mohd Firdaus b Wan Yusof; dan

(x) SP24 — Nurul Izzati bt Jamal.

[9] Perayu merupakan hakim mahkamah sesyen yang berkhidmat di Mahkamah Sesyen dan Majistret Kuala Kubu Bahru ('Mahkamah KKB') sejak 7 Mei 2018 hingga 29 Julai 2019.

[10] Pada 8 Mei 2018, enam orang kena tuduh ('OKT-OKT') seperti senarai di bawah telah dituduh di Mahkamah KKB dengan kesalahan dibawah s 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 ('ARJT 1953'):

(a) Chin Yat Soong (No Kes BF-83–159–05 Tahun 2018);

(b) Yap Chiew Tat (No Kes BF-83–157–05 Tahun 2018);

(c) Chin See Shak (No Kes BF-83–156–05 Tahun 2018);

(d) Pang Kooi Fook (No Kes BF-83–154–05 Tahun 2018);

(e) Yap Swee Ming (No Kes BF-83–153–05 Tahun 2018); dan

(f) Chin Chee Keong (No Kes BF-83–158–05 Tahun 2018).

[11] Pada tarikh tersebut, Zumairi bin Othman (SP3) yang merupakan pegawai polis yang pernah berkhidmat di IPD Hulu Selangor telah menerima panggilan telefon dari seorang lelaki Cina yang dikenali sebagai 'Janggut'. Nama sebenar Janggut ialah Soo Lai Sang (SP18) yang merupakan 'PR' kepada OKT-OKT tersebut. SP18 adalah seorang PR atau orang perhubungan bagi judi ekor haram di kawasan Hulu Selangor.

[12] SP18 telah bertanya kepada SP3 sama ada SP3 mengenali hakim yang baru bertukar ke Mahkamah KKB untuk meminta bantuan supaya denda bagi OKT-OKT boleh dikurangkan. SP18 memaklumkan SP3 bahawa OKT-OKT akan mengaku salah jika denda dikurangkan kepada RM1,000 sahaja bagi setiap OKT. Selanjutnya, SP18 menyatakan sekiranya hakim bersetuju, SP18 bersedia untuk memberikan upah sebanyak RM1,000 bagi setiap OKT kepada hakim tersebut. SP18 memaklumkan kepada SP3 bahawa hakim di Mahkamah KKB yang terdahulu biasanya memberi denda sebanyak RM5,000 dan ke atas.

[13] SP3 tidak mengenali perayu yang merupakan hakim sesyen Mahkamah KKB tersebut. Oleh itu, SP3 telah menghubungi kenalan lamanya, Ahmad Feisal b Mohd Azmi (SP4) yang merupakan seorang Timbalan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Shah Alam untuk bertanyakan tentang perayu. Setelah SP4 memaklumkan bahawa beliau mengenali perayu, SP3 kemudiannya telah menerangkan tentang permintaan oleh SP18 dan meminta supaya SP4

menyampaikan permintaan tersebut kepada perayu. Sekiranya bersetuju, perayu akan diberikan upah sebanyak RM1,000 bagi setiap daripada OKT-OKT tersebut.

[14] Seterusnya, SP4 telah menghubungi dan memaklumkan perayu tentang permintaan daripada SP18. SP4 dalam keterangannya mengatakan bahawa perayu telah bersetuju untuk menjatuhkan hukuman denda RM1,000 dan bayaran RM1,000 kepada perayu bagi setiap OKT-OKT tersebut. SP4 kemudiannya telah menghubungi SP3 untuk memaklumkan berkenaan dengan persetujuan tersebut dan SP4 telah menerima senarai nama OKT-OKT yang akan dituduh pada hari tersebut melalui *whatsapp* daripada SP3. SP4 kemudiannya telah menghantar senarai nama OKT-OKT yang akan dituduh pada hari tersebut kepada perayu, juga melalui *whatsapp*. SP3 mengatakan beliau memperolehi senarai nama OKT-OKT tersebut daripada SP18 melalui *whatsapp*.

[15] SP4 seterusnya mengatakan bahawa perayu ada menghubungi SP4 semula dan memaklumkan bahawa beliau tidak boleh menjatuhkan hukuman denda RM1,000 kerana jumlah denda tersebut adalah rendah. Hakim sebelum perayu biasanya mengenakan hukuman denda maksimum atau penjara bagi kesalahan di bawah ARJT 1953. SP4 mengatakan perayu telah memberitahu kepada SP4 bahawa beliau akan menjatuhkan hukuman denda RM2,000 terhadap lima orang daripada OKT-OKT tersebut. Manakala baki seorang lagi OKT, perayu akan kenakan denda RM5,000 kerana mempunyai rekod kesalahan lampau. Perayu telah meminta SP4 bertanyakan kepada SP18 sama ada SP18 bersetuju dengan hukuman tersebut.

[16] SP4 kemudiannya telah menyampaikan perkara tersebut kepada SP3. Seterusnya SP3 telah menghubungi SP18 dan memaklumkan kepada SP18 tentang perkara yang sama.

[17] Setelah mendapat maklumbalas daripada SP18, SP3 telah menghubungi semula SP4 dan memaklumkan bahawa SP18 bersetuju dengan jumlah hukuman denda tersebut dan RM1,000 diperuntukkan untuk perayu bagi setiap OKT-OKT. Keterangan ini turut disahkan oleh SP4.

[18] Selepas itu, SP4 menghubungi semula perayu dan memaklumkan persetujuan mereka. Setelah selesai kes pada hari yang sama, perayu telah menghubungi SP4 bagi memaklumkan perkara tersebut. Komunikasi antara SP3 dengan SP4 (eksh P46A–P46D) dan SP4 dengan perayu adalah melalui perbualan telefon dan juga aplikasi *whatsapp* (eksh P11).

[19] Pada 8 Mei 2018 iaitu hari yang sama, OKT-OKT telah dituduh di Mahkamah KKB. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Nurul Aida

bt Amir (SP11). Manakala perayu adalah hakim yang mendengar kes tersebut. OKT-OKT telah hadir sendiri tanpa diwakili peguam.

[20] SP4 mengesahkan bahawa nama orang yang dituduh dalam kertas pertuduhan sepertimana di eksh P15 hingga P20 adalah sama dengan senarai nama OKT-OKT yang diterima daripada SP3 yang telah diberikan kepada tertuduh melalui *whatsapp*.

[21] Semasa SP11 memberi keterangan, beliau mengesahkan bahawa OKT-OKT telah mengaku salah setelah pertuduhan dibacakan kepada mereka. perayu sebagai hakim yang mendengar pengakuan OKT-OKT tersebut telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,000 terhadap 5 orang daripada OKT-OKT. Manakala seorang lagi OKT yang bernama Yap Swee Ming pula dikenakan denda RM5,000

[22] Seterusnya SP4 dalam keterangannya mengatakan bahawa perayu telah bertanyakan tentang pemberian wang yang dijanjikan melalui *whatsapp*. SP4 menjelaskan bahawa wang tersebut akan dimasukkan secara *bank in* ke dalam akaun perayu atau diberikan terus ketika mereka berjumpa. Melalui aplikasi yang sama SP4 telah menyatakan '6 biji ... saya ambil satu tuan 5 biji boleh'. Semasa memberi keterangan di mahkamah, SP4 menjelaskan ayat tersebut bermaksud, semuanya RM6,000. Sebanyak RM5,000 adalah bahagian perayu dan RM1,000 adalah bahagian SP4. perayu bersetuju dengan pembahagian tersebut.

[23] Pada hari yang sama, SP3 telah menerima wang berjumlah RM6,500 yang dimasukkan oleh anak SP18 iaitu Soo Seng Kok (SP19) ke dalam akaun Maybank No Akaun 512754527288 milik SP3.

[24] Pada 9 Mei 2018, SP3 telah memindahkan wang sebanyak RM6,000 dari dalam akaunnya itu ke dalam akaun Maybank atas nama Ahmad Feisal bin Mohd Azmi iaitu SP4. SP3 dalam keterangannya mengatakan bahawa baki wang sebanyak RM500 adalah upah bagi SP3 yang menjadi orang tengah kes tersebut.

[25] Selepas selesai melakukan pemindahan wang yang berjumlah RM6,000 tersebut, SP3 telah berkongsikan resit transaksi pemindahan wang berjumlah RM6,000 melalui aplikasi *whatsapp* kepada SP4 sebagai makluman bahawa wang telah dipindahkan.

[26] SP4 mengesahkan bahawa beliau ada menerima wang tersebut daripada SP3 sehari setelah kes terhadap OKT-OKT selesai.

[27] Pada 10 Mei 2018, SP4 telah menghubungi perayu melalui *whatsapp* dengan tujuan untuk menyerahkan wang tersebut kepada perayu. perayu telah meminta SP4 supaya berjumpa dengannya. Walau bagaimanapun, oleh kerana SP4 sedang bercuti, maka, SP4 maklumkan akan menyerahkan wang tersebut pada minggu hadapannya.

[28] Pada peringkat awal, perayu bersetuju, namun dalam jam lebih kurang 3 petang, hari yang sama, perayu telah menghubungi SP4 semula dan meminta SP4 untuk *bank in* wang tersebut kerana perayu ingin segera menggunakan wang tersebut.

[29] Pada jam lebih kurang 8 malam, SP4 telah memindahkan wang tersebut melalui mesin deposit tunai di Maybank Setia Alam ke dalam akaun Maybank No 114123570125 milik perayu.

[30] SP4 dalam keterangannya mengatakan baki wang sebanyak RM1,000 telah diambil sebagai upah kerana menjadi orang tengah bagi kes tersebut dan telah habis digunakan.

[31] Setelah pindahan wang dilakukan oleh SP4, SP4 telah mengemukakan resit transaksi tersebut kepada perayu. SP4 menyatakan 'Tq Tuan ... duit hutang itu hari saya dah bayar RM5,000'. Duit hutang tersebut bermaksud duit bagi kes OKT-OKT pada 8 Mei 2018 dan SP4 telah memasukkan wang tersebut pada 10 Mei 2018.

[32] SP4 mengesahkan bahawa SP4 tiada berhutang dengan perayu dan tidak pernah menyediakan atau menandatangan sebarang dokumen berkaitan hutang termasuklah dokumen (ID50B) dan (IDD48) iaitu aku janji membayar kembali hutang berjumlah RM5,000 kepada perayu seperti mana naratif perayu dalam pembelaannya ketika dibicarakan.

[33] Tangkapan terhadap perayu telah dibuat pada 22 Julai 2019 oleh Muhamad Amir Safwan b Rusli (SP1). Sesalinan notis tangkap (eksh P1) di bawah s 53 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) ('ASPRM 2009') telah diserahkan kepada perayu.

[34] Akhirnya setelah selesai siasatan dijalankan, tertuduh dituduh dengan pertuduhan di bawah s 17(a) ASPRM 2009 serta satu pertuduhan pilihan dibawah s 165 Kanun Keseksaan.

A DAPATAN HAKIM SESYEN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[35] Hakim sesyen yang bijaksana membuat dapatan bahawa kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan Ahmad Feisal bin Mohd Azmi (SP4) dan Zumairi bin Othman (SP3).

B

[36] Hakim sesyen mendapati bahawa isu yang dibangkitkan oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan adalah sama iaitu sama ada SP3 dan SP4 adalah rakan sejenayah yang mana keterangan mereka memerlukan keterangan sokongan.

C

[37] Peruntukan mengenai rakan sejenayah dan ejen provokasi terkandung di bawah s 52(1)(a)(ii) ASPRM 2009 yang menyatakan seperti berikut:

D

> (1) Notwithstanding any written law or rule of law to the contrary, in any proceedings against any person for an offence under this Act —
>
> (a) *No witness shall be regarded as an accomplice* by reason only of such witness having —
>
> (i) ...;
>
> E
>
> (ii) *given, promised, offered or agreed to give any gratification*; or
>
> (iii) ... (Penekanan ditambah.)

[38] Hakim sesyen telah mendapati bahawa berdasarkan kes *Public Prosecutor v Dato' Saidin bin Thamby* [2012] 3 MLJ 476; [2012] 4 CLJ 15 yang menyatakan sepereti berikut:

F

> [161] We categorically say that s 18 of the PCA modifies the law and practice in regard to a specified class of accomplices only. It is not a general application. Where a person is an accomplice by reason of making a corrupt payment he is not presumed unworthy of credit. *But where that person has played a more actice part or an infamous part in the transaction apart from the bare payment, then such person cannot be protected under s 18 of the PCA* and the ordinary rules as regards the evidence of accomplices will apply. This is the position of the law and seen in this light, SP1 cannot come under the protection of s 18 of the PCA and the ordinary rules of accomplice evidence would apply to him accordingly. To put it bluntly, the evidence of SP1 must be corroborated. (Penekanan ditambah.)

G

H

[39] Berdasarkan prinsip kes yang diputuskan dalam kes tersebut di atas, hakim sesyen mendapati bahawa s 18 Akta Pencegahan Rasuah 1961 yang mana *in pari materia* dengan s 52 ASPRM 2009, memberi rasuah sahaja tidak menjadikan seseorang saksi itu dianggap 'unworthy of credit' melainkan saksi tersebut telah memainkan peranan yang lebih aktif (*infamous part*) untuk merasuah seseorang penjawat awam.

I

[40] Hakim sesyen berpandangan, jika SP3 dan SP4 tidak terlibat dalam satu 'infamous act', maka SP3 dan SP4 bukanlah rakan sejenayah dan dilindungi di bawah s 52 ASPRM 2009 di mana keterangan SP3 dan SP4 adalah sama kedudukan dengan saksi-saksi lain yang tidak memerlukan keterangan sokongan. Akan tetapi, sekiranya SP3 dan SP4 memainkan peranan yang lebih aktif dan bukan hanya semata-mata membuat pembayaran, maka SP3 dan SP4 tidak boleh dilindungi di bawah s 52 ASPRM 2009 dan kaedah-kaedah biasa akan terpakai kepada mereka berdua di mana keterangan SP3 dan SP4 memerlukan sokongan.

[41] Seksyen 114 ilustrasi (b) Akta Keterangan 1950 (Akta 56) telah menyatakan seperti berikut:

> The court may presume —
>
> (b) That an accomplice is unworthy of credit unless he is corroborated in material particulars.

[42] Setelah meneliti keseluruhan fakta kes, hakim sesyen yang bijaksana mendapati SP3 dan SP4 adalah rakan sejenayah di mana peranan yang dimainkan oleh SP3 dan SP4 adalah melebihi daripada hanya membuat bayaran rasuah. SP3 dan SP4 memainkan peranan yang aktif dalam mempengaruhi perayu untuk menerima suapan dan mereka juga menerima sejumlah wang daripada perbuatan mereka tersebut. Oleh itu, berdasarkan prinsip yang diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Saidin bin Thamby*, hakim sesyen berpendapat bahawa SP3 dan SP4 tidak dilindungi di bawah s 52 ASPRM 2009. Maka, keterangan SP3 dan SP4 perlu disokong.

[43] Hakim sesyen merujuk kepada peruntukan s 133 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> An accomplice shall be a competent witness against an accused person; and a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice.

[44] Berdasarkan peruntukan itu, hakim sesyen berpendapat rakan sejenayah adalah saksi yang kompeten terhadap seseorang tertuduh; dan suatu sabitan itu tidaklah tidak sah semata-mata kerana ia dibuat atas keterangan seorang rakan sejenayah yang tidak disokong.

[45] Hakim sesyen telah merujuk kepada s 165 Kanun Keseksaan untuk menunjukkan elemen pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan:

(a) tertuduh merupakan seorang Penjawat Awam;

(b) tertuduh telah menerima sesuatu barang berharga;

(c) tertuduh telah menerima barang tersebut tanpa balasan; dan

(d) tertuduh mengetahui barang tersebut diberikan kepada tertuduh melalui Ahmad Feisal bin Azmi (SP4) berkenaan dengan permintaan bantuan daripada Soo Lai Sang (SP18) mengenai pertuduhan bagi enam OKT-OKT yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh di Mahkamah Kuala Kubu Bahru yang mana mereka akan dituduh di hadapan tertuduh.

[46] Mahkamah ini berpuas hati dengan dapatan oleh hakim sesyen mengenai setiap elemen pertuduhan yang telah dibuktikan dan tidak berhasrat untuk mengulangi secara terperinci dapatan hakim sesyen tersebut. Secara kesimpulannya, hakim sesyen merumuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa perayu mengetahui bahawa wang yang akhirnya diterima daripada SP4 tersebut adalah berkaitan dengan tugas rasmi perayu dalam menjatuhkan hukuman denda ke atas OKT-OKT yang dituduh di hadapan perayu di bawah s 9(1) ARJT tersebut.

[47] Hakim sesyen juga mengguna pakai anggapan yang diperuntukkan di bawah s 50 ASPRM 2009 di mana perayu adalah dianggap telah memperolehi wang tunai RM5,000 untuk diri perayu sendiri tanpa balasan daripada SP19 melalui SP3 dan SP4 berkenaan dengan pertuduhan ke atas OKT-OKT tersebut yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi perayu di Mahkamah KKB dalam menjatuhkan hukuman di bawah s 9(1) ARJT 1953. Hakim sesyen juga berpendapat sebaik sahaja anggapan di bawah s 50(3) ASPRM 2009 itu diaktifkan, maka beban beralih kepada perayu untuk mematahkan anggapan tersebut di atas imbangan kebarangkalian dengan memberi penjelasan yang jujur apabila dipanggil membela diri.

[48] Oleh yang demikian, hakim sesyen telah mendapati secara keseluruhan bahawa suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan ke atas kesalahan pertuduhan pilihan di bawah s 165 Kanun Keseksaan dan memutuskan supaya perayu dipanggil untuk membela diri ke atas pertuduhan pilihan tersebut.

RINGKASAN FAKTA KES PEMBELAAN

[49] Pihak pembelaan hanya memanggil perayu (SD1) sahaja untuk memberi keterangan lisan dalam kes ini. Secara ringkasnya, keterangan kes pihak pembelaan adalah seperti berikut:

(a) perayu mengakui bahawa SP4 adalah rakan perayu dalam perhidmatan awam. Perayu dan SP4 pernah sama-sama berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik di Mahkamah Rayuan Malaysia;

(b) perayu dalam keterangannya mengakui SP4 ada meminta bantuannya untuk menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000 bagi setiap

OKT-OKT yang menghadapi pertuduhan di bawah ARJT 1953 di hadapan perayu yang ketika itu bertugas sebagai hakim mahkamah sesyen, merangkap Majistret Mahkamah Kuala Kubu Bahru;

(c) walau bagaimanapun, perayu telah menolak permintaan tersebut di mana perayu akan menjatuhkan hukuman berdasarkan rayuan OKT-OKT dan tidak akan menjanjikan denda RM1,000 tanpa mendengar rayuan OKT-OKT. perayu juga mengatakan bahawa perayu ada memberitahu SP4 bahawa *trend* hukuman adalah antara RM1,000 hingga RM5,000 sebagaimana yang lazimnya dijatuhkan oleh hakim terdahulu;

(d) pada 8 Mei 2018, perayu telah menjatuhkan hukuman denda RM2,000 sehingga RM5,000 bagi setiap OKT-OKT yang telah dituduh di bawah s 9(1) ARJT 1953 dengan mengambil kira faktor mitigasi OKT-OKT yang mengaku salah;

(e) menurut perayu lagi, pada 10 Mei 2018, SP4 telah meminta nombor akaun perayu kerana SP4 telah memberitahu perayu bahawa SP4 sudah ada duit untuk membayar hutang perayu sebanyak RM5,000. Tertuduh dengan berat hati telah memberi nombor akaun Maybank milik perayu kepada SP4;

(f) perayu selanjutnya mengatakan penerimaan wang berjumlah RM5,000 ke dalam akaun peribadi perayu pada 10 Mei 2018 adalah sebagai bayaran balik hutang daripada SP4 kepada perayu yang mana pada bulan November 2017, SP4 telah meminjam wang berjumlah RM5,000 daripada perayu seperti mana surat hutang bertarikh 20 November 2017 (IDD48);

(g) menurut perayu, IDD48 disediakan oleh SP4, tetapi perayu sendiri yang telah pergi ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Shah Alam (LHDN) pada 23 November 2017 untuk membayar setem hasil; dan

(h) menurut perayu lagi, ketika berada di kaunter LHDN tersebut, ada seorang *dispatch* firma guaman yang dikenali telah menawarkan pertolongan untuk membantu perayu mematikan setem hasil tersebut. perayu telah menyerahkan wang sebanyak RM50. Setelah selesai, *dispatch* tersebut telah menyerahkan kembali dua salinan surat yang telah dimatikan setem. perayu telah menyimpan satu salinan manakala satu salinan lagi diberikan kepada SP4. IDD48 adalah salinan yang berada dalam simpanan perayu.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN HAKIM SESYEN DI AKHIR PERBICARAAN

[50] Di akhir perbicaraan, hakim sesyen telah membuat dapatan (*finding*) yang berikut:

(a) anggapan statutori adalah terpakai dalam kes rasuah sebegini. Beban pembelaan adalah untuk membuktikan pembelaanya di atas imbangan kebarangkalian bahawa wang tunai RM5,000 tersebut tidak diperolehi oleh perayu sendiri tanpa suatu balasan daripada SP19 melalui PS3, seterusnya melalui SP4 berkenaan dengan pertuduhan bagi OKT-OKT yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi perayu di Mahkamah KKB dalam menjatuhkan hukuman denda ke atas OKT-OKT yang dituduh di hadapan perayu di bawah s 9(1) ARJT 1953 seperti mana pertuduhan pilihan pindaan. Beban untuk mengakas anggapan perundangan tersebut adalah lebih berat daripada menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes-kes jenayah yang lain;

(b) keterangan perayu yang telah pergi ke pejabat LHDN cawangan Shah Alam bagi tujuan mematikan setem pada dokumen IDD48 adalah berdasarkan keterangan perayu semata-mata. Pihak pembelaan telah gagal memanggil *dispatch* yang dikatakan telah membantu tertuduh bagi proses mematikan setem untuk menyokong keterangan tertuduh;

(c) semasa peringkat kes pendakwaan, perayu tidak pernah mencadangkan kepada saksi pendakwaan terutamanya SP4 bahawa SP4 telah menyediakan IDD48; dan

(d) selain itu, perayu juga telah gagal mengemukakan sebarang keterangan yang dapat menyokong pembelaan perayu bahawa perayu telah dihubungi oleh SP4 disekitar bulan November 2017 untuk meminjam duit berjumlah RM5,000 bagi tujuan peribadi. Tiada sebarang rekod panggilan atau komunikasi yang dikemukakan untuk menyokong keterangan tersebut. perayu juga telah gagal membawa sebarang saksi yang dapat menyokong versi fakta pembelaan oleh perayu.

[51] Oleh yang demikian, hakim sesyen yang bijaksana berpendapat bahawa pembelaan perayu hanyalah rekaan semata-mata tanpa keterangan sokongan lain yang munasabah. Keterangan pembelaan sedemikian wajar ditolak dan tidak seharusnya diberikan sebarang pertimbangan. Tiada pembelaan yang bermerit dan juga tiada apa-apa penyangkalan atau penjelasan suci murni kepada anggapan yang telah terpakai terhadap perayu dalam kes ini.

[52] Seterusnya, setelah mengambil kira faktor-faktor mitigasi dan pemberatan yang munasabah, hakim sesyen telah mengenakan hukuman pemenjaraan selama enam bulan dari tarikh jatuh hukum dan denda RM25,000 jika gagal bayar enam bulan penjara.

PRINSIP UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT RAYUAN

[53] Mahkamah ini dalam mendengar rayuan ini berpandukan kepada prinsip undang-undang sedia ada di mana mahkamah di peringkat rayuan

seharusnya mengambil pendirian untuk tidak mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah perbicaraan melainkan ternyata keputusan tersebut mempunyai salah arah dan tidak menurut undang-undang ini.

[54] Dalam kes *Amri bin Ibrahim & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2017] 1 MLJ 1; [2017] 1 CLJ 617, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan yang berikut:

> [51] it is trite law that the view of the trial judge as to the credibility of a witness must be given proper weight and consideration. *An appellate court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the trial judge,* who had the advantage of seeing and hearing the witness, *unless there were substantial and compelling reasons* for disagreeing. (Penekanan ditambah.)

[55] Manakala berkenaan dengan hukuman pula, dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83 Raja Azlan Shah LP (menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan) telah menjelaskan:

> ... Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.
>
> For a discretionary judgment of this kind to be reserved by this court, *it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unathorised or extraneous or irrelevant exercise of discretion ...* (Penekanan ditambah.)

[56] Seterusnya dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457, di mana Haidar Mohd Noor HMP (menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan) telah menyatakan di ms 228 (MLJ); ms 494 (CLJ):

> It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence *unless* it is satisfied that the sentenced that the sentence passed by the lower court is *manifestly inadequate or excessive or illegal* or otherwise *not a proper sentence* having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly *erred in applying correct principle correct principles in the assessment of sentence.* (Penekanan ditambah.)

[57] Mahkamah juga mengguna pakai prinsip undang-undang dalam kes *Usman bin Jumasan v Public Prosecutor* [2016] MLJU 1362; [2016] 1 LNS 1457 melalui penghakiman Mahkamah Rayuan yang disampaikan oleh YA Vernon Ong Lam Kiat, HMR (pada ketika itu) yang mana turut membicarakan isu yang sama dan diperturunkan seperti berikut:

> [10] The basic principles governing the role of an appellate court in an appeal against sentence are well settled. In exercising its jurisdiction to review sentence an appellate court does not alter a sentence on the mere ground that if it had been

A trying the case it might have passed a somewhat different sentence. *It is only when a sentence appears to be wrong in law or is manifestly excessive or inadequate having regard to the facts and circumstances that an appellate court will interfere*. (Penekanan ditambah.)

B **[58]** Oleh yang demikian, berpandukan nas-nas yang di atas, mahkamah ini secara amnya agak keberatan untuk mengganggu hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah bawahan melainkan terdapat kesilapan atau bercanggah dengan undang-undang sedia ada dan sekiranya hukuman yang dikenakan itu terlalu berlebihan (*excessive*).

C

[59] Berpandukan kepada prinsip undang-undang mantap tersebut, mahkamah ini telah meneliti dan mempertimbangkan alasan dan merit rayuan ini serta bukannya semata-mata atas alasan bahawa mahkamah ini mempunyai

D pandangan dan dapatan yang berbeza.

ANALISIS DAN DAPATAN

[60] Mahkamah ini telah meneliti 22 perenggan petisyen rayuan oleh perayu

E (Rekod Rayuan Jld 1 ms 12 hingga 19) yang membangkitkan isu-isu di peringkat rayuan ini yang dirumuskan seperti berikut:

(a) sama ada hakim sesyen telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan terdapat kes prima facie di akhir kes

F pendakwaan;

(b) sama ada hakim sesyen telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mendapati anggapan statutori di bawah s 50 ASPRM 2009 terpakai bagi pertuduhan kesalahan di bawah s 165 Kanun Keseksaan;

G (c) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menerima keterangan SP3 dan SP4 (rakan-rakan sejenayah) tanpa tapisan yang ketat;

(d) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mempertimbangkan wang berjumlah RM5,000 yang

H diterima oleh perayu adalah wang persendirian SP4;

(e) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mempertimbangkan bahawa wang dari SP3 hanyalah kepada SP4 dan SP4 menggunakan wang tersebut untuk membayar

I hutangnya kepada perayu;

(f) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan kebolehterimaan dan kedudukan IDD48 semata-mata berdasarkan keterangan SP4;

(g) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menilai dan membuat dapatan dua versi kes pendakwaan berkenaan IDD48;

(h) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menggunakan peruntukan s 52 ASPRM 2009 yang tidak memenuhi prasyarat;

(i) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menggunakan peruntukan s 52 ASPRM 2009 yang membataskan budi bicara kehakiman;

(j) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal mempertimbangkan tiada sebarang pihak pendakwaan terhadap keterangan SP15 yang bercanggah dengan SP17;

(k) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta membuat dapatan keterangan SP4 adalah lebih kredibel berbanding dengan kewujudan IDD48; dan

(l) sama ada hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes pada tahap melampaui keraguan yang munasabah.

[61] Manakala dalam penghujahan bertulis pula, pihak perayu telah membangkitkan empat isu seperti berikut:

(a) sama ada SPRM mempunyai kuasa menyiasat ke atas seorang hakim mahkamah sesyen tanpa mendapat kelulusan Ketua Hakim Negara;

(b) sama ada SP4 yang telah melakukan kesalahan di bawah s 165 Kanun Keseksaan patut diberi taraf sebagai saksi yang boleh dipercayai di bawah ASPRM 2009;

(c) sama ada SP4 (rakan sejenayah) boleh dipercayai untuk dijadikan asas kepada sabitan; dan

(d) sama ada apabila seorang hakim bicara menolak keterangan untuk perbicaraan di bawah s 17 ASPRM 2009, keterangan yang sama boleh digunakan untuk mensabitkan kesalahan di bawah s 165 Kanun Keseksaan.

[62] Justeru, berasaskan kepada prinsip undang-undang dan nas-nas yang telah dinyatakan terdahulu, mahkamah ini telah meneliti dan mempertimbangkan setiap alasan atau isu yang telah dibangkitkan oleh perayu menurut turutan isu-isu yang disusun semula selepas ini.

Sama ada wujud kes prima facie di akhir kes pendakwaan

[63] Hakim sesyen telah mengarahkan dirinya kepada elemen-elemen pertuduhan kesalahan yang perlu dibuktikan iaitu:

(a) perayu adalah penjawat awam;

(b) perayu telah menerima suatu barang berharga;

(c) perayu menerima barang berharga tersebut tanpa balasan; dan

(d) perayu mengetahui bahawa perbincangan berkenaan permintaan bantuan bagi OKT-OKT yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi perayu di Mahkamah KKB di mana OKT-OKT dituduh di hadapan perayu.

[64] Suatu kes prima facie dikatakan berjaya dibuktikan hanyalah apabila pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan-keterangan yang kukuh bagi membuktikan setiap dan tiap-tiap inti pati/elemen kesalahan yang dipertuduhkan yang mana sekiranya gagal dipatahkan akan membawa kepada sabitan, seperti mana diperuntukkan di bawah s 173(h)(iii) Kanun Tatacara Jenayah.

[65] Prinsip-prinsip tugas mahkamah di akhir kes pendakwaan telah diputuskan di dalam beberapa kes tersohor termasuklah *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 yang mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

> [15] For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:
>
> (a) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution *in its totality to a maximum evaluation*. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;
>
> (b) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

[66] Mengenai elemen pertama bahawa perayu adalah penjawat awam adalah merupakan suatu fakta yang sama sekali tidak disangkal bahawa perayu merupakan seorang hakim mahkamah sesyen di mahkamah KKB bermula daripada 7 Mei 2018 sehingga 29 Julai 2019.

[67] Berkenaan dengan elemen kedua pula, perayu telah memperoleh wang

tunai sebanyak RM5,000 yang ditelah didepositkan ke dalam akaun Maybank No 114123570125 milik perayu pada 10 Mei 2018. Wang tersebut diterima daripada SP19 melalui SP3 dan seterusnya melalui SP4 seperti mana dinyatakan dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan tersebut yang sememangnya selari dalam naratif kes pendakwaan.

[68] Keterangan saksi-saksi pendakwaan iaitu SP3, SP4, SP19, SP5, SP6, SP9 dan SP20 serta diperkukuhkan lagi dengan keterangan dokumentar seperti Laporan Forensik (eksh P11 dan P12) dan dokumen-dokumen perbankan (eksh P10, P54, P21, P23, P25 dan P26) adalah amat kuat dan menyakinkan mahkamah ini bahawa wang berjumlah RM5,000 akhirnya diperoleh oleh perayu.

[69] Seterusnya mengenai elemen ketiga pula iaitu penerimaan barang berharga itu tanpa pembalasan, hakim sesyen telah berada pada landasan yang tepat apabila merujuk 'balasan' kepada sesuatu yang diterima atau diberikan atas sebab sesuatu yang dijanjikan atau dilakukan. Ia adalah sesuatu yang menjadi tukaran atau sumbangan dalam sesuatu transaksi.

[70] Dalam kes *Public Prosecutor v Rosman bin Abdul Wahab* [2007] 2 MLJ 688; [2006] 4 CLJ 615, Hakim Low Hop Bing (HMT) telah mentafsirkan maksud 'consideration' (*balasan*) seperti berikut:

> [60] As the word 'consideration' has not been defined in the Penal Code, reference may be made to its ordinary, natural, popular meaning as found in a dictionary. In ordinary parlance, a consideration is something of value (such as an act, a forbearance or a return promise) received by a promisor from a promise (*Black's Law Dictionary*). It is anything given, promised or foreborne by one party in exchange for the promise or undertaking of another (*The Concise Oxford Dictionary*).

[71] Oleh yang demikian, apa yang perlu dan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah perayu dalam kes ini telah menerima wang RM5,000 tersebut tanpa memberikan apa-apa tukaran atau sumbangan yang sah.

[72] Berkenaan elemen keempat pula, s 165 Kanun Keseksaan memperuntukkan tentang kesalahan yang bertujuan mencegah penjawat awam untuk menerima apa-apa barang berharga tanpa balasan yang mana penjawat awam tersebut mengetahui ia adalah berkaitan dengan tugas rasmi penjawat awam tersebut.

[73] Apa yang perlu dibuktikan adalah tentang pengetahuan perayu bahawa orang yang berurusan dengan perayu sedang berurusan mengenai sesuatu perkara yang perayu mempunyai hubungan rasmi ke atasnya. Berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan melalui saksi-saksi pendakwaan tersebut bahawa perayu telah memperoleh wang berjumlah RM5,000 yang telah

A didepositkan oleh SP4 ke dalam akaun bank perayu yang mana penerimaan tersebut tercetus daripada permintaan SP18 yang disampaikan menerusi SP3 dan SP4 bagi pertuduhan terhadap OKT-OKT di bawah ARJT 1953.

B **[74]** Oleh itu, adalah jelas bahawa perayu mengetahui bahawa SP4 sedang berbincang dengannya berkenaan permintaan daripada SP18 tentang pertuduhan ke atas OKT-OKT yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi perayu di Mahkamah KKB yang mana OKT-OKT tersebut akan dituduh di hadapan perayu pada hari yang sama perbincangan tersebut berlaku iaitu pada 8 Mei 2018.

C

[75] Oleh yang demikian, berdasarkan pembuktian sepenuhnya setiap dan tiap-tiap elemen pertuduhan kesalahan tersebut, hakim sesyen tidak terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta untuk memutuskan bahawa telah wujud
D kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan.

Pemakaian anggapan di bawah s 50(3) ASPRM 2009

[76] Seksyen 50(3) ASPRM 2009 memperuntukkan yang berikut:

E

> Where in any proceedings against any person for an offence under section 165 of the Penal Code it is proved that such person has accepted or attempted to obtain any valuable thing without consideration or for a consideration which such person knows to be inadequate, *such person shall be presumed to have done so with such knowledge as to the circumstances as set out in the particulars of the offence*, unless the
F contrary is proved. (Penekanan ditambah.)

[77] Berdasarkan peruntukan anggapan di atas adalah jelas bahawa bagi kesalahan di bawah s 165 Kanun Keseksaan, jika telah dibuktikan bahawa
G perayu telah memperoleh apa-apa benda berharga tanpa balasan maka perayu hendaklah dianggap telah berbuat demikian dengan mengetahuinya hal keadaan yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan dibuktikan sebaliknya.

H **[78]** Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati bahawa hakim sesyen tersebut tidak tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 50(3) ASPRM 2009.

Keterangan SP3 dan SP4 sebagai rakan sejenayah

I

[79] Hakim sesyen melalui perenggan 45 alasan penghakiman telah mendapati bahawa SP3 dan SP4 adalah rakan sejenayah di mana peranan yang dimainkan oleh SP3 dan SP4 melebihi daripada hanya membuat bayaran rasuah. Meneurut hakim sesyen lagi, SP3 dan SP4 telah memainkan peranan

yang aktif dalam mempengaruhi perayu untuk menerima suapan. Malahan SP3 dan SP4 sendiri juga mengambil atau menerima sejumlah wang daripada perbuatan mereka tersebut.

[80] Adalah dapatan hakim sesyen juga bahawa SP3 dan SP4 tidak dilindungi di bawah s 52 ASPRM 2009. Maka, keterangan SP3 dan SP4 perlu disokong untuk menjadikannya sebagai suatu keterangan yang kredibel. Seksyen 114 ilustrasi (b) Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

> The court may presume —
>
> (b) that an accomplice is unworthy of credit unless he is corroborated in material particulars.

[81] Hakim sesyen juga telah mendapati bahawa SP3 dan SP4 adalah saksi-saksi yang kredibel dan boleh dipercayai serta tidak ada sebab untuk memfitnah atau memerangkap perayu. Tambahan pula, SP3 dan SP4 telah memenuhi *test* yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 193; [2002] 3 CLJ 457 seperti berikut:

> The Privy Council has stated that the real tests for either accepting or rejecting the evidence of a witness are *how consistent the story is with itself, how it stands the test of cross-examination, and how far it fits in with the rest of the evidence and the circumstances of the case*. (Penekanan ditambah.)

[82] Adalah dapatan hakim sesyen juga yang mendapati bahawa SP3 dan SP4 konsisten semasa memberi keterangan, tidak goyah semasa di peringkat pemeriksaan balas dan keterangan mereka berpadanan dengan keseluruhan fakta kes yang telah dikemukakan. Malahan keterangan SP3 dan SP4 juga turut disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain serta keterangan dokumentar.

[83] Adalah pengamatan mahkamah ini bahawa hakim sesyen tersebut telah berulang kali mengingatkan dirinya supaya mengambil keterangan SP3 dan SP4 secara berhati-hati.

[84] Oleh yang demikian, hujahan pihak perayu bahawa hakim sesyen telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila menerima keterangan SP3 dan SP4 (yang merupakan rakan sejenayah) tanpa tapisan yang ketat adalah tidak bermerit.

Sama ada wang RM5,000 itu wang persendirian SP4

[85] Walau apapun jua cara atau medium wang RM5,000 tersebut disampaikan kepada perayu, ia tidak sama sekali dapat menafikan bahawa wang yag diterima oleh perayu tersebut adalah merupakan 'upah' atau 'ganjaran' di atas perlakuan perayu yang menjatuhkan hukuman ke atas OKT-OKT dengan mengikut kehendak SP18 dan disampaikan melalui SP3 dan SP4.

[86] Rantaian keterangan antara saksi-saksi pendakwaan adalah tetap utuh dan 'intact' berkenaan dengan perpindahan wang kepada perayu yang berakhir apabila SP4 memasukkan wang tersebut secara *cash-in deposit* ke dalam akaun bank perayu.

[87] Perayu dalam keterangan pembelaannya telah mencadangkan wang berjumlah RM5,000 tersebut yang dimasukkan oleh SP4 adalah bayaran balik hutang berdasarkan dokumen ID50B dan IDD48. Walau bagaimanapun, SP4 dalam keterangannya menyatakan bahawa duit tersebut adalah seperti mana dalam perbualan *Whatsapp* (eksh P11) bermaksud duit bagi kes OKT-OKT pada 8 Mei 2018. SP4 juga menegaskan bahawa beliau tidak ada hutang dengan perayu dan tidak pernah menyediakan atau menandatangai apa-apa dokumen berkenaan hutang tersebut termasuklah IDD50B dan IDD48.

[88] Malahan pihak perayu masih gagal untuk membuktikan dokumen-dokumen tersebut untuk diterima sebagai keterangan kes pembelaan. IDD50B dan IDD48 hanyalah ditandakan dalam mahkamah perbicaraan untuk tujuan pengenalan (*identification purpose*) sahaja.

[89] Mahkamah ini mendapati hujahan pihak perayu wang berjumlah RM5,000 tersebut sebagai wang persendirian SP4 bagi tujuan bayaran balik hutang seperti mana dalam IDD50B dan IDD48 adalah tidak bermerit.

Pemakaian s 52 yang tidak memenuhi prasyarat

[90] Pihak perayu dalam petisyen rayuannya di perenggan 9 membangkitkan alasan rayuan ini atas kekhilafan hakim sesyen mengguna pakai peruntukan s 52(1)(a)(ii) ASPRM 2009 sedangkan pra-syarat tidak dipenuhi bagi pemakaian peruntukan tersebut.

[91] Mahkamah ini tidak mendapati perkara itu dinyatakan dalam alasan penghakiman hakim sesyen tersebut. Sebaliknya mahkamah ini mendapati dalam perenggan 45 alasan penghakiman hakim sesyen tersebut yang menyatakan dengan jelas bahawa 'Mahkamah berpendapat SP3 dan SP4 tidak dilindungi di bawah seksyen 52 Akta SPRM 2009'.

[92] Justeru mahkamah ini mendapati hujahan pihak perayu mengenai perkara ini adalah tidak bermerit dan mengelirukan mahkamah ini. Oleh itu juga, hujahan pihak perayu selanjutnya bahawa pemakaian s 52 ASPRM 2009 oleh hakim sesyen sebagai membataskan kuasa budi bicara kehakiman didapati tidak berasas dan tidak bermerit.

Percanggahan keterangan SP15 dan SP17

[93] Kedua-dua SP15 dan SP17 adalah merupakan pegawai LHDN yang dipanggil bagi memberi keterangan berkenaan rekod duti setem pada November 2017 bagi LHDN Cawangan Shah Alam bersabit dengan IDD48 dan prosedur penyetemen (*stamping*) suratcara.

[94] Keterangan SP15 mengesahkan bahawa beliau telah membuat semakan atas nama SP4 dan perayu bagi tarikh-tarikh 21 hingga 24 November 2017 dan mendapati tiada rekod atas nama-nama tersebut. Keterangan SP17 pula mengatakan bahawa tiada kemungkinan borang PDS1 yang menunjukkan rekod penyeteman (*stamping*) dokumen IDD48 seperti mana yang telah disemak atas nama SP4 dan perayu adalah hilang.

[95] Justeru, mahkamah ini tidak mendapati apa-apa kekhilafan hakim sesyen dari segi undang-undang dan fakta untuk membuat kesimpulan dan dapatan bahawa keterangan SP15 dan SP17 tersebut adalah saling menyokong satu sama lain dan tiada percanggahan material yang boleh mencabar keterangan keduanya.

Siasatan SPRM tanpa kelulusan Ketua Hakim Negara

[96] Pihak perayu menghujahkan bahawa pihak SPRM telah gagal mendapatkan kebenaran Ketua Hakim Negara sebelum siasatan dimulakan dan pendakwa raya juga tidak mendapatkan keizinan Ketua Hakim Negara sebelum pendakwaan dibuat ke atas perayu.

[97] Pihak perayu menghujahkan perkara di atas dengan bersandarkan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Haris Fathillah bin Mohamed Ibrahim & Ors v Tan Sri Dato' Sri Hj Azam bin Baki & Ors* [2023] 2 MLJ 296; [2023] 3 CLJ 653 berkenaan dengan rujukan keperlembagaan ke atas dua persoalan iaitu:

(a) sama ada mengambil kira perkara 4 dan Bahagian IX Perlembagaan Persekutuan, badan-badan siasatan jenayah (tidak terhad kepada SPRM) hanya dibenarkan oleh undang-undang untuk menyiasat hakim mahkamah atasan yang telah digantung di bawah perkara 125(5) Perlembagaan Persekutuan; dan

A (b) sama ada pendakwa raya mempunyai kuasa memulakan atau menjalankan apa-apa prosidng kesalahan terhadap hakim mahkamah atasan yang sedang berkhidmat di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

B **[98]** Walau bagaimanapun, mahkamah ini mendapati bahawa kes yang tersebut di atas tidak terpakai dalam kes perayu ini. Dalam kes tersebut di atas, ia melibatkan seorang hakim mahkamah atasan yang merupakan seorang anggota Badan Kehakiman Malaysia yang tertakluk kepada Kod Etika Hakim 2009. Berbeza dengan perayu dalam kes ini yang merupakan seorang penjawat C awam dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

[99] Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati hujahan ini sebagai alasan rayuan oleh perayu adalah juga tidak bermerit.

D *Sama ada keterangan yang ditolak bagi kesalahan s 17 ASPRM 2009 boleh digunakan bagi mensabitkan kesalahan s 165 Kanun Keseksaan*

[100] Dalam kes ini, perayu telah dituduh dengan satu pertuduhan utama di E bawah s 17(a) ASPRM 2009 dan satu pertuduhan alternatif/pilihan di bawah s 165 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pendakwaan, hakim sesyen telah mendapati tiada kes prima facie terhadap perayu bagi pertuduhan utama. Namun hakim sesyen mendapati berdasarkan keterangan-keterangan yang ada wujud kes prima facie bagi kesalahan pertuduhan pilihan dan perayu telah F dipanggil untuk membela diri bagi pertuduhan pilihan tersebut.

[101] Mahkamah ini mendapati bahawa kedua-dua pertuduhan tersebut adalah berbeza dari segi sifat dan elemen kesalahan yang perlu dibuktikan. Masing-masing mempunyai elemen-elemen tersendiri yang berbeza yang perlu G dibuktikan dalam perbicaraan. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang dilepaskan daripada pertuduhan kesalahan utama, ini tidak bermaksud semestinya dilepaskan daripada pertuduhan pilihan yang dikemukakan. Mahkamah boleh mengguna pakai keterangan yang sama untuk kesalahan yang lain. Malahan mahkamah juga mempunyai kuasa untuk meminda H pertuduhan menurut s 158 Kanun Keseksaan setelah mendengar dan mempertimbangkan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan.

[102] Meneliti kepada alasan penghakiman hakim sesyen, beliau telah pun dengan jelasnya memperincikan apakah alasan-alasan yang menyokong I dapatan beliau bahawa kesemua elemen di bawah s 165 Kanun Keseksaan yang merupakan pertuduhan pilihan telah dibuktikan.

[103] Justeru, mahkamah ini mendapati bahawa hakim sesyen telah membuat satu tindakan yang betul setelah mendapati tiada kes prima facie ke

atas perayu bagi pertuduhan utama kesalahan di bawah s 17(a) ASPRM 2009 tetapi mendapati wujud kes prima facie bagi pertuduhan pilihan dan dipanggil membela diri bagi pertuduhan pilihan kesalahan di bawah s 165 Kanun Keseksaan. Hujahan pihak perayu bahawa hakim sesyen terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta adalah tidak bermerit.

Sama ada hukuman melampau (manifestly excessive)

[104] Seksyen 165 Kanun Keseksaan memperuntukkan apabila seseorang yang melakukan kesalahan tersebut boleh dihukum dengan pemenjaraan untuk suatu tempoh boleh mencapai dua tahun atau denda atau keduanya sekali.

[105] Pihak perayu menghujahkan bahawa hukuman yang dikenakan oleh hakim sesyen iaitu pemenjaraan selama enam bulan dan denda RM25,000 adalah terlalu tinggi dan berlebihan.

[106] Adalah menjadi suatu undang-undang yang mantap bahawa mahkamah di peringkat rayuan tidak cepat campur tangan dalam mengubah sesuatu hukuman yang dikenakan oleh hakim bicara hanya kerana merasakan suatu hukuman yang berlainan patut dikenakan, seperti mana diputuskan dalam kes: *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* melainkan sekiranya berpuas hati bahawa hukuman yang dikenakan oleh mahkamah bicara didapati terlalu rendah atau terlalu berlebihan (*manifestly inadequate or excessive*) atau telah silap dalam menggunakan prinsip yang betul menurut undang-undang seperti mana keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes: *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor*.

[107] Mahkamah ini juga berpandukan kepada penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Usman bin Jumasan v Public Prosecutor* seperti berikut:

> It is only when a sentence appears to be *wrong in law or manifestly excessive or inadequate having regard to the facts and circumstances that an appellate court will interfere*. (Penekanan ditambah.)

[108] Namun bagi mahkamah ini, terdapat merit bagi rayuan atas hukuman berdasarkan alasan-alasan yang berikut:

(a) peruntukan kesalahan (*offence provision*) di bawah s 165 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman pemenjaraan maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali. Tiada peruntukan mandatori bahawa pemenjaraan wajib diberikan. Elemen utama kesalahan adalah menerima suatu barang berharga tanpa balasan. Berbeza dengan pertuduhan kesalahan utama iaitu s 17(a) ASPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman pemenjaraan maksima 20

tahun dan denda lima kali nilai suapan;

(b) mengambil kira peranan SP4 sebagai *temptation* kepada perayu dengan menawarkan barang berharga tersebut atau wang dan peranan aktif SP4 yang memastikan pemberian tersebut terlaksana walaupun perayu telah mengatakan tidak dapat mempersetujui kadar hukuman yang dicadangkan; dan

(c) selain penjawat awam, mahkamah ini mengambil kira juga tempoh perkhidmatan tertuduh selama 17 tahun bermula sejak 2001 hingga 2018.

KESIMPULAN/KEPUTUSAN

[109] Setelah meneliti rekod rayuan dan mendengar serta mempertimbangkan penghujahan bertulis dan penghujahan lisan peguambela perayu dan timbalan pendakwa raya, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati tidak wujud alasan yang bermerit bagi mahkamah ini untuk mengganggu gugat dapatan dan keputusan hakim sesyen berkenaan (*no sufficient ground for interfering*) berkenaan dengan sabitan kesalahan tersebut menurut s 316 Kanun Tatacara Jenayah.

[110] Mahkamah ini mendapati bahawa sabitan tersebut adalah selamat dan oleh yang demikian mahkamah ini memutuskan bahawa rayuan perayu ke atas sabitan yang dikenakan oleh hakim sesyen tersebut adalah ditolak.

[111] Oleh yang demikian, mahkamah ini membenarkan rayuan perayu ke atas hukuman dengan mengenepikan hukuman yang dikenakan oleh hakim sesyen dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan sehari dan denda sebanyak RM12,000 (jika tidak bayar tiga bulan penjara).

Rayuan terhadap sabitan ditolak dan rayuan terhadap hukuman dibenarkan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh